





USUL BERTULIS

36 Syarikat - 18 Tajuk Utama

Artikel 9.2 - Penghantaran usul sebelum atau pada 21 hari dari tarikh Mesyuarat Agung berlangsung (22 Oktober 2025)



USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
1.	Lantik Penasihat Undang-Undang Baharu: a. Terdapat perubahan arah strategik Persatuan berdasarkan cabaran-cabaran semasa b. PUU sedia ada telah memberi perkhidmatan selama 6 tahun sejak 2019 (6 tahun)	i. 3S Protection Sdn Bhd ii. Kurniawan Security Services Sdn Bhd iii. N.R Kawalan Network Systems Sdn Bhd iv. Perkhidmatan Keselamatan Laksamana (M) Sdn Bhd v. Platinum Protection Sdn Bhd	Keperluan khidmat nasihat dan kepakaran berkaitan undang-undang yang melibatkan Akta Persaingan 2010. Perhatian: Mohon persetujuan Ahli memberi mandat kepada AJK baharu untuk memilih.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
2.	Tapisan Keselamatan CGSO a. Terdapat agensi Kerajaan yang meminta Ahli yang memberi perkhidmatan menjalankan Tapisan Keselamatan via sistem evetting milik Jabatan CGSO. b. Adakah ini perlu sedangkan Tapisan Keselamatan dilaksanakan via esims KDN?	Alfa Delta Tech Security Services Sdn Bhd	Tapisan keselamatan CGSO hanya untuk kakitangan dan pegawai kerajaan sahaja. Untuk syarikat keselamatan, tapisan keselamatan hanya melalui KDN.

USUL BERTULIS

[illegible]

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	d. Pohon PIKM minta KDN pertimbangkan “extension of time” bagi pelaksanaan kuota PK Nepal yang telah diluluskan atas sebab Rusuhan dan ketidaktentuan Kerajaan Nepal menyebabkan proses pengambilan PK Nepal tertangguh dan tentunya kemasukan mereka akan lewat	iii. Titan Force Sdn Bhd	
	e. Dicaadangkan PK dari negara sumber kedua	iv. BGS Security Sdn Bhd	

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
4.	Pemilihan Jawatankuasa DiPilih dicadangkan dipanjangkan tempohnya: a. 4 tahun sekali b. 3 tahun sekali c. 5 tahun sekali	 i. Arah Anggun Sdn Bhd ii. Quebec Security Services Sdn Bhd iii. RG Guard Services Sdn Bhd	 Mengikut Artikel 11.4 Perlembagaan Persatuan, Jawatankuasa Dipilih memegang jawatan untuk tempoh 1 penggal (2 tahun) sehingga diganti. Usul penggubalan Perlembagan berkaitan tempoh memegang jawatan sebagai Jawatankuasa Dipilih perlu mendapat persetujuan Ahli.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
5.	Membangunkan Sistem Portal a. Dicapangkan PIKM bangunkan sistem pengurusan data berkaitan: • Butiran pengawal keselamatan bermasalah • Butiran pelanggan yang bermasalah seperti “<i>bad paymaster</i>” b. Kedua-dua rekod disimpan oleh Persatuan dan setiap semakan oleh ahli-ahli dikenakan bayaran RM1	i. Borneo Xcell Sdn Bhd	Cadangan ini dalam rancangan dan penelitian terhadap undang-undang sedang dibuat.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
6.	Kadar Harga Perkhidmatan a. Kadar harga perkhidmatan bagi sektor swasta dan Kerajaan diseragamkan oleh pihak KDN atau Persatuan. Harga serendah RM7 masih berlaku.	i. EPC Security Sdn Bhd ii. Pentagon Protection Services Sdn Bhd	Perbincangan lanjut dengan KDN akan dibuat susulan pindaan Akta Agensi Persendirian 1971 baru-baru ini khususnya berkait dengan kuasa-kuasa Menteri. (Nota): Kertas Cadangan “Polisi Mengenai Penetapan Harga Lantai Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan” telah dikemukakan kepada KDN.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
7.	Penguatkuasaan a. Penggajian Pengawal Keselamatan Haram / Tanpa Permit • KDN dan JIM perlu laksana pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih serta tegas dan perketat pengeluaran lesen • AAP 1971 ditambah baik dengan Syarikat didenda RM50K dan Gantung lesen • Pelanggan turut dikenakan tindakan undang-undang	i. EPC Security Sdn Bhd	Perkara 'a' dan 'e' dicadang dibincang bersama KDN susulan pindaan Akta Agensi Persendirian 1971.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	b. KDN dan PIKM tubuh Pasukan Audit bersama dan senarai hitamkan Syarikat melanggar undang-undang dan peraturan (Boleh mengurangkan “persaingan harga). c. Benteras Syarikat “Ali Baba” dan menggaji Pengawal keselamatan haram d. Pengerusi Negeri / Zon bertindak melapor pelanggaran etika industri e. PDRM diberi tanggungjawab menguatkuasakan AAP 1971 dan KDN menentukan dasar f. Penerima aduan terhadap kesalahan di bawah undang-undang wajar menjadi pengadu rasmi dengan membuat laporan polis	ii. Sierraforce Protection Sdn Bhd iii. Sasa Security Services Sdn Bhd iv. Special Skill Security Services Sdn Bhd v. Starforce Dynamic Sdn Bhd vi. Tiara Force Security Services Sdn Bhd vii. Noris Protection Sdn Bhd	Perkara ‘b’ dan ‘c’ dicadang dibawa kepada KDN untuk bentuk pasukan odit bersama. Perkara ‘d’ boleh dimanfaat menggunakan e-Aduan PIKM yang dilancarkan pada 14 Okt 25 sebagai platform digital aduan rasmi PIKM. Perkara ‘f’ – Laporan polis akan dibuat jika terdapat bukti pelanggaran undang-undang melalui siasatan awal.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	g. Penerima aduan kesalahan disiplin dirujuk kepada Lembaga Disiplin		Perkara 'g' diambil maklum.
	h. Cadangan melesenkan Cawangan ditolak sepenuhnya kerana lesen sedia ada membenarkan Syarikat menjalankan perniagaan di seluruh negara	viii. Tiara Force Security Services Sdn Bhd	Perkara 'h' dan 'i' dicadang dibincang bersama KDN.
	i. Memohon pihak KDN pertimbangkan membenarkan pengawal keselamatan berusia 65 tahun berkhidmat sehingga genap atau penghujung usia 65 tahun (bukan ketika menjangkau usia 65 tahun)	ix. Promaster Team Sdn Bhd x. Pima Force Sdn Bhd	

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	j. Dicapangkan diwujudkan satu organisasi di bawah naungan PIKM untuk bertindak membantu ahli yang berhadapan dengan penguatkuasaan Jabatan Tenaga Kerja	xi. Pentagon Protection Services Sdn Bhd	Perkara 'j' – Ahli boleh merujuk Perunding Sumber Manusia yang PIKM lantik.
	k. Sebarang keputusan hukuman oleh Lembaga Disiplin diasaskan kepada Perlembagaan PIKM. Oleh itu, disaran tiada mana-mana pihak dalam Persatuan memberi tekanan kepada Ahli Lembaga Disiplin untuk mempengaruhi hukuman sebaliknya.	xii. Noris Protection Sdn Bhd	Perkara 'k' diambil maklum.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
8.	Anugerah / Pengiktirafan Syarikat dan Pengawal a. Wujudkan acara anugerah dan pengiktirafan / penghargaan pengawal keselamatan dan Syarikat menurut prestasi.	i. Excellent Security Network Sdn Bhd ii. Sasa Surveillance Services Sdn Bhd	Usul yang baik. Dalam perhatian dan akan diusahakan. PIKM dan Ahli pernah sertai “Southeast Asia Outstanding Security Performance Awards (SEA OSPAs) pada 2023 (Bangkok) dan 2024 (Singapura). Tahun ini tiada sambutan.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
9.	Garis Panduan - Pakaian, Penampilan Diri dan Etika a. Wujudkan garis panduan pemakaian seragam yang lebih baik seperti terlihat di luar negara	i. Excellent Security Network Sdn Bhd	Dalam proses menambah baik pakaian seragam pengawal keselamatan.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
10.	Penganjuran Aktiviti Sukan a. Dicapangkan Persatuan anjurkan aktiviti sukan peringkat zon atau kebangsaan b. Tujuan cadangan ini untuk menggalak perpaduan, semangat berpasukan antara ahli Persatuan c. Penglibatan dibuka kepada semua ahli dan kakitangan	i. Guardeye Resources Sdn Bhd	Cadangan yang baik. Urusan logistik mungkin mencabar tetapi akan diusahakan. PIKM pernah menganjurkan aktiviti sukan seperti yang berikut: • PIKM 5KM Fun Run Sempena Putrajaya Half Marathon • PPj Half Marathon • Kejohanan Bola Sepak Piala Presiden PIKM • Golf Persahabatan Di Antara KDN dan PIKM • Golf Piala Presiden PIKM (PRESTRO) • Perlawanan bola sepak persahabtan dengan agensi kerajaan

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
11.	Sistem Perolehan Kerajaan – Tambah Penama Untuk Urusan Perolehan a. Kementerian Kewangan disyor untuk membenarkan lantikan 20 penama bagi setiap syarikat untuk mengurus perolehan kerajaan dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kewangan bagi tujuan memudahkan Lawatan Tapak	i. Jitu Juara Resources Sdn Bhd ii. Mestika Resources Sdn Bhd	PIKM akan mengadakan perjumpaan dengan Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan untuk pertimbangan.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
12.	Kompetensi dan Latihan - Dicadang Latihan berterusan dan pensijilan kepada pengawal keselamatan - Bidang-bidang yang dicadangkan – keselamatan fizikal, komunikasi pelanggan dan pengurusan risiko. - Tempoh 6 bulan sekali - Modul diluluskan pihak berkuasa	JW Protection Sdn Bhd	- Perbincangan berkaitan kompetensi dan latihan Persatuan adakan libat urus melalui perbincangan dan mesyuarat bersama KDN, JPK dan Bahagian Latihan PDRM. - Penelitian kursus lanjutan penyelia dan juga <i>refresher course</i> sedang berjalan bersama Bhg Latihan Bukit Aman. Begitu juga isu-isu yang dihadapi. Aktiviti yang bersangkutan seperti berikut:

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	e. Ditambah Pusat Latihan Polis kerana Pusat-Pusat “Hotspot” sering menjadi rebutan dan ahli terpaksa daftar di negeri lain dan mengakibatkan kenaikan kos Syarikat f. Modul berkait penggunaan teknologi dimasukkan dalam kursus / Latihan g. Menambah Lokasi Latihan kursus CSG di Sabah dan Sarawak h. Menambah jadual Latihan CSG dan TNG untuk memenuhi kuota yang ditetapkan bagi pembaharuan lesen	ii. Arena Wirajaya Sdn Bhd iii. Arrow Shield Security Services Sdn Bhd	• 24-26 Jan 25 – Bengkel Penyelarasan Program Latihan Pengawal Keselamatan bersama KDN dan Bhg Latihan PDRM. • 19 Feb 25 - Mesyuarat Pelaksanaan Kursus Asas Polis Bantuan dan Program CSG Bagi Tahun 2025 • 12 Jun 25 - Perbincangan Mengenai Latihan Pengawal Keselamatan (CSG & CBG) di KDN • 17 Jun 25 – Isu yang timbul - Perbincangan Berkenaan Tuntutan Bayaran Penggunaan Fasiliti dan Yuran Kelab PULAPOL

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	i. Kursus khas untuk Pegawai dan Pengarah bagi tujuan permohonan C&U	iii. Pentagon Protection Services Sdn Bhd	• 21-25 Jul 25 - Bengkel Penyediaan Silibus Kursus Lanjutan Polis Bantuan, CSG dan Agensi Penguatkuasa, Terengganu • 19 Sep 25 - Perbincangan PIKM Bersama Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Latihan/Peperiksaan/Kompetensi) Bukit Aman Akan diangkat sekali lagi kepada KDN untuk persetujuan

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
13.	Kerjasama Strategik – Smart Partnership a. Dalam konteks sesuai PIKM mewujudkan “smart partnership” dengan pembekal sistem Digital Clocking bagi menambah dana PIKM	i. Noris Protection Sdn Bhd	PIKM menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Significs Technology Sdn Bhd sebuah syarikat “spin-off” Universiti Teknologi Malaysia pada 24 April 2025 (Majlis Raya tahun ini)

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
14.	Penggunaan Teknologi a. Digital Clocking seharusnya diujikaji penggunaannya dan mendapat maklumbalas ahli tentang kesesuaian b. Disyor dimansuhkan Digital Clocking kerana bayaran bulanan dikenakan c. Ahli-ahli disyorkan mengguna teknologi pintar dalam industri seperti smart patrol apps, GPS tracking, QR Code Checkpoint, CCTV (motion detection dan facial recognition), body-cam dan portal yang boleh diakses oleh pelanggan d. Wujudkan geran atau bantuan kewangan bagi ahli yang menggunakan teknologi	i. Noris Protection Sdn Bhd ii. Ihsan Network Sdn Bhd iii. Progressive Security Services Sdn Bhd iv. Sierraforce Protection Sdn Bhd	Perkara ‘a’ – Bahagian Perolehan KPM dan pembekal telah mengadakan “<i>pilot project</i>” pada Oktober 2024. Perkara ‘b’ dan ‘c’ - Industri harus bergerak seiring revolusi industri 4.0. Penggunaan sistem digital memastikan ketelusan data, integriti dan tadbir urus Syarikat yang lebih sistematik. Ia juga adalah kehendak pelanggan. Persatuan sedang bekerjasama dengan rakan digital untuk dipromosi kepada Ahli-Ahli. Perkara ‘d’ PIKM akan berurusan dengan MDEC untuk meneroka peluang mendapatkan geran. (Perasmian MAT sebentar nanti, perkara ini akan disebut dalam ucapan).

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
15.	Pembangunan Industri dan Kesedaran Awam a. Aspek profesionalisme dan sokongan pihak berkepentingan perlu ditingkatkan b. Kesedaran awam tentang peranan industri keselamatan swasta harus dipergiat melalui sesi libat urus dan penggunaan media social c. Program CSR juga dicadangkan d. Penubuhan Dana Pembangunan Industri Keselamatan melalui sumbangan sukarela daripada ahli untuk latihan percuma kepada pengawal	i. Sasa Protection and Services Sdn Bhd ii. Sasa Surveillance Services Sdn Bhd	Perkara ‘a’ – PIKM telah bangunkan <i>Code of Practice</i> bersama KDN, PDRM, Pengamal Keselamatan. CoP Adalah rujukan utama meningkatkan profesionalisme. Perkara ‘b’ sedang berjalan. PIKM mempunyai social media rasmi iaitu Fb, LinkedIn, Instagram, TikTok, 2 whatsapp Group rasmi-Ahli digalakkan menyertai Whatsapp Group (Surat Edaran 27/2024). Perkara ‘c’ - Tabung Kebajikan diwujudkan pada 2019. Kita juga tubuhkan Biro Kebajikan untuk menggiatkan aktiviti Kebajikan PIKM Perkara ‘d’ – dicadangkan AJK sesi baru mengadakan perbincangan lanjut untuk meneliti cadangan ini.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
16.	Penentuan Peranan a. Diminta Presiden menjelaskan kepada ahli peranan dan tanggungjawab 3 entiti yang memberi perkhidmatan keselamatan dalam negara iaitu Polis Bantuan, RELA, dan Agensi Persendirian	i. Spyrus Security Services Sdn Bhd	Cadangan ini mungkin berkait “persaingan” antara 3 entiti yang dimaksudkan. Polis Bantuan berfungsi di bawah Akta Polis 1967 menjaga keselamatan dan ketenteraman secara eksklusif di dalam premis atau kawasan yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara. RELA berfungsi di bawah Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia, 2012: • membantu pihak berkuasa keselamatan apabila diminta • mengambil bahagian dalam khidmat Masyarakat • membantu melindungi bangunan, pemasangan atau harta lain milik kerajaan Agensi Persendirian (Syarikat keselamatan) beroperasi di bawah Akta Agensi Persendirian 1971, untuk melindungi orang, harta benda dan aset tertentu untuk pelanggan komersial atau kediaman atau premis kerajaan. Nota: Terdapat unsur-unsur yang agak kabur tentang peranan.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
17.	Pelesenan Pengawal Keselamatan a. Dicapangkan PIKM mengetuai usaha melesenkan pengawal keselamatan dengan mengadakan Bengkel bersama agensi Kerajaan berkaitan bagi menyediakan Kertas Cadangan	i. Tiara Force Security Services Sdn Bhd	PIKM telah mengajukan konsep inisiatif ini kepada KDN. Hasil tinjauan di kalangan Ahli di Sesi-Sesi Dialog menunjukkan Persetujuan ke atas inisiatif ini. Perbincangan lanjut akan dibuat bersama KDN untuk merelisasikan inisiatif ini.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
18.	Kuasa-Kuasa Yang Diperuntukkan Dalam Perlembagaan a. Kewangan Had nilai kewangan untuk Projek Khas sebanyak RM500K (Article 16.5) adalah luar biasa tinggi. Tafsiran siapa?	i. Pristine Security Sdn Bhd	Had bagi projek bernilai lebih RM500K telah diputuskan di MAT ke-24 pada tahun 2016. AJK ketika itu difahamkan menghadapi kesulitan dalam persediaan bagi mengadakan MAT di hotel-hotel kerana faktor kos. AJK berkenaan merasakan mengadakan MAT di hotel lebih sesuai kerana hotel menyediakan lokasi yang <i>neutral</i> dan selesa dengan kemudahan profesional yang diperlukan untuk mesyuarat rasmi, seperti tempat duduk yang mencukupi, peralatan AV dan perkhidmatan katering. Hotel juga menawarkan persekitaran yang berprestij dan selesa yang boleh menggalakkan kehadiran dan menyediakan ruang khusus untuk perbincangan, memudahkan kedua-dua ahli persatuan dan AJK untuk memberi tumpuan kepada isu-isu utama tanpa gangguan.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	Kuasa menandatangani cek (Article 16.3) terletak kepada Presiden, Setiausaha dan Bendahari (kedua-dua jawatan dilantik oleh Presiden). Risiko – pemusatan kawalan dalam Kumpulan kecil tanpa semakan bebas. Amalan terbaik – sekurang-kurangnya 2 penandatangan yang tiada kaitan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Dipilih.		Ini adalah tata amalan di banyak persatuan. Di samping itu, AJK peka kepada akauntabiliti dan ketelusan dan dalam semua urusan kewangan di samping Presiden, Setiausaha dan Bendahari Jawatankuasa Dipilih tetap dirujuk dan dimaklum.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	Kelulusan RM10K terletak hanya kepada Presiden dan Bendahari (Article 16.4.2) berisiko dari sudut konflik kepentingan kerana jawatan Bendahari dilantik oleh Presiden. Amalan terbaik – kelulusan Jawatankuasa Dipilih		Seperti di atas.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	b. Pemilihan / Pelantikan Jawatan Presiden (Article 11.5.2) dan Timbalan Presiden (Article 11.5.3) perlu berkhidmat sebagai AJK sekurang-kurangnya 2 penggal dan 1 penggal secara berasingan dicadang dimansuhkan dan membenarkan ahli-ahli yang komited dan kompeten bertanding.		Artikel 11.5.2 dan 11.5.3, antara lain mensyaratkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden perlu berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa selama 2 penggal dan 1 penggal secara berasingan, telah diluluskan di MAT ke-27 tahun 2020. Di MAT ke-27 tahun 2020, telah diusulkan terma menjadi Presiden dan Tim Presiden, antara lain, perlu berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Dipilih selama 2 penggal dan 1 penggal secara berasingan. Kedua-dua usul tersebut telah diluluskan di MAT berkenaan. Di MAT ke-29 tahun 2022 usul telah dikemukakan agar jawatan Presiden dan Tim Presiden “tidak perlu menjadi Ahli Jawatankuasa Dipilih” (Elected Committee) sebagai syarat. Setelah berbahas dan dijelaskan rasional Mesyuarat bersetuju Artikel 11.5.2 dan 11.5.3 dikekalkan.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
	Samb.		Rasional: • Jawatan berkenaan perlu ada pengalaman dari jawatan AJK untuk memastikan kesinambungan agenda PIKM kerana sesuatu misi mengambil masa. • AJK DiPilih adalah individu yang berani ke depan dan menyerah kepada penentuan ahli ahli Persatuan. • Individu yang dipilih melalui MAT boleh membuktikan kemampuan diri sepanjang tempoh memegang jawatan. • Artikel-artikel berkenaan telah diluluskan dan sesuai tidak perlu mengambil langkah ke belakang

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	• Pelantikan Pengerusi Zon/Negeri tidak boleh atas konsep pelantikan oleh Presiden dan AJK tetapi dipilih oleh ahli di Zon/Negeri • Pelantikan jawatan Setiausaha dan Bendahari (Article 11.7) sepatutnya dipilih oleh Ahli untuk mengelak konflik kepentingan.		Pelantikan Pengerusi Zon/Negeri oleh Jawatankuasa PIKM adalah mengikut Perlembagaan (Artikel 11.8). Ia bertujuan menentukan Jawatankuasa negeri sejajar dengan misi, nilai dan objektif strategik persatuan kebangsaan. Ini menghalang berpecah belah dan memastikan konsistensi merentas semua negeri. Pelantikan Setiausaha dan Bendahari oleh Presiden adalah tata amalan biasa. Sebab utama jawatan Setiausaha dan Bendahari dilantik oleh Presiden adalah berkait dengan set kemahiran tertentu yang diperlukan dan keperluan untuk kesinambungan dan akauntabiliti.

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
Samb.	c. Siasatan dan Lembaga Disiplin - Jawatan penyiasat dibubarkan (tiada kuasa menyiasat dalam Perlembagaan). Pelanggaran undang-undang tidak memberi kuasa kepada penyiasat menyiasat. Disyor Lembaga Disiplin mewujudkan “Grievance Portal” – laporan berasaskan mulanya “enquiry” - Article 13.6.1 (Lembaga Disiplin melantik “penyiasat” Adalah lemah dan kabur. Tiada kriteria kelayakan, pensijilan, dan “independent”. - Article 13.6.1 pelantikan tidak telus		Jawatan Pegawai Penyiasat PIKM memerlukan individu yang berpengalaman dalam bidang siasatan. - Pelanggaran adalah pelbagai dan mendapatkan seorang penyiasat bebas adalah mustahil. - Seperti dalam mana-mana badan, lazim penyiasat dalaman dilantik. - AJK PIKM telah meneliti dan mendapati serta percaya penyiasat dalaman yang dilantik adalah objektif dalam tindak tanduknya. - Penyiasat sedia ada turut dikehendaki menandatangani “Confidentiality and Conflict of Interest Disclosure Form

USUL BERTULIS

BIL	USUL	AHLI / NAMA SYARIKAT	ULASAN AJK
			Samb., • Setiap laporan siasatan diteliti oleh 10 orang ahli Lembaga Disiplin. • Mengambil kira penerimaan jumlah aduan kes pelanggaran yang tinggi, AJK PIKM telah bersetuju untuk membuat penambahan seorang pegawai penyiasat namun sukar mendapatkan individu yang berkesanggupan. (Nota: seorang telah direkrut baru-baru ini). • Ahli-ahli boleh mengusulkan calon yang berkeelayakan kepada AJK PIKM untuk saringan lanjut. Nota: Kos bayaran untuk sesuatu siasatan boleh menjadi kekangan utama.